

# Dibelasah tegur jiran pukul anjing

**K**UALA LUMPUR: Akibat menegur jiran supaya tidak memukul anjing, seorang lelaki dibelasah lebih 20 lelaki dalam kejadian di Jinjang Utara, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, mangsa yang berusia 40 tahun mengalami kecederaan di badan dan muka akibat dibelasah bertubi-tubi.

Mangsa melihat seorang lelaki memukul anjing tanpa belas kasihan hingga menyebabkan haiwan itu cedera lalu menegur lelaki berkenaan supaya jangan berbuat demikian.

Kira-kira tiga jam kemudian lebih 20 lelaki dipercayai diupah jirannya datang memu-

kulnya tanpa bertanya sebab.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Chee, 40, berkata ketika ditegur, lelaki itu memarahinya dan berlaku pertengkaran antara mereka.

Bagaimanapun, tiga jam kemudian, lebih 20 lelaki datang ke rumahnya dan terus menendang serta menumbuk muka dan badannya.

Chee membuat laporan di Balai Polis Jinjang sejurus kejadian dan mendapat rawatan di klinik berdekatan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Zakaria Pagan mengesahkan menerima laporan kejadian berkenaan.